



Risalah Ramadhan رمضان

Bil: 3/ 2007 • Ramadhan 1428 Hijrah • SMK Desa Kencana, Lahad Datu, Sabah • www.smkdk.com

Berhibur Dan Bermain-Main Pada Siang Ramadhan

S: Adakah berhibur dan bermain-main dibenarkan pada siang Ramadhan?

J: Perlu bagi orang yang berpuasa untuk menjaga dirinya daripada berhibur dan bermain-main, dan supaya dia mendekati diri kepada Allah dengan melaksanakan suruhan-suruhan-Nya, dan menjauhi larangan-larangan-Nya, dan dia menjauhi segala apa yang dengannya dapat menjauhkannya daripada Allah dan daripada beribadah kepada-Nya, sama ada dengan tujuan atau wasilah (perantaraan).

[Al-Lujnah Ad-Da'imah lil-Ifta']

Para Pekerja, Apabila Pekerjaan Mereka Menyusahkan Mereka, Adakah Mereka Berbuka?

S: Adakah boleh untuk para pekerja, apabila pekerjaan mereka menyusahkan mereka, untuk mereka berbuka?

J: Ke atas mereka untuk berpuasa dan meminta bantuan dengan Allah `azza wajalla. Maka barangsiapa meminta bantuan dengan Allah, Allah akan menolongnya. Dan apabila mereka melihat ketika siang kedahagaan yang memudharatkan mereka, atau menjadi sebab kecelakaan mereka, maka tidak salah ke atas mereka untuk mereka berbuka kerana darurat. Tetapi yang lebih baik daripada ini, ialah mereka membuat perjanjian bersama penjamin atau majikan, untuk menjadikan pekerjaan mereka ketika Ramadhan adalah pada waktu malam, atau sebahagiannya ketika malam dan sebahagiannya pada awal siang, atau untuk mengurangkan jam bekerja sehingga mereka dapat melakukan kerja dan puasa dengan cara yang selesa.

[Majmu' u Fatawa waRasa'il Asy-Syaykh Muhammad bin Salih Al-`Usaymin, Jld. 17]

Niat

S: Kadangkala saya berpuasa tanpa menyertakan niat ketika mula berpuasa, maka adakah niat satu syarat dalam berpuasa setiap hari? Atau cukup pada awal bulan?

J: Puasa dan amalan yang selainnya mestilah bersama niat. Nabi berkata: «**Sesungguhnya amalan itu dengan niat, dan sesungguhnya bagi setiap individu apa yang dia niatkan**» [Al-Bukhariy/1]. Maka puasa Ramadhan, wajib baginya niat ketika malam, dengan dia berniat sebelum terbit fajar puasa hari itu. Dan bangun seseorang Muslim daripada tidur pada akhir malam dan bersahur adalah tanda kewujudan niat. Maka bukanlah dikehendaki untuk seseorang manusia menyebut dan berkata, "(Nawaytu s-sawma...) Saya berniat puasa...", maka ini adalah bid'ah yang tidak dibolehkan. Dan niat ketika Ramadhan adalah setiap hari sendirinya kerana setiap hari adalah satu ibadah yang tersendiri yang perlu kepada niat. Maka dia berniat puasa dengan hatinya untuk setiap hari ketika malam. Dan jika dia telah berniat ketika malam, kemudian dia tidur dan tidak bangun melainkan setelah terbit fajar, maka puasanya adalah sah kerana wujud niat ketika malam.

[Al-Muntaqa Min Fatawa Asy-Syaykh Salih Al-Fawzan, Jld. 5 (165)]

Banyak Tidur Ketika Ramadhan

S: Terdapat orang yang melarang daripada banyak tidur ketika Ramadhan dan dia berkata bahawa ke atas Muslim untuk berada dalam amal dan berjaga, dan tidak boleh baginya banyak tidur. Apa pendapat tuan?

J: Ya, dilarang daripada banyak tidur pada bulan ini, iaitu tidur ketika siang, kerana dia menyebabkan malas daripada keta'atan, dan mungkin luput salat jama'ah atau menyebabkan keluar salat daripada waktunya. Dan yang dikehendaki daripada seseorang Muslim adalah cergas dalam keta'atan. Dan tidur itu adalah ketika malam, terutama ketika awalnya, untuk mencergaskan ketika siang terhadap menegakkan ilmu dan penglibatan dalam keta'atan.

[Al-Muntaqa Min Fatawa Asy-Syaykh Salih Al-Fawzan, Jld. 5 (168)]

Soal-Jawab Ramadhan

Menggunakan Siwak dan Minyak Wangi

Ketika Berpuasa

S: Adakah boleh bagi orang yang berpuasa bersiwak (gosok gigi) ketika sedang berpuasa, dan menggunakan minyak wangi?

J: Boleh menggunakan siwak dan minyak wangi bagi orang yang berpuasa. WaLlahu a`lam.

[Al-Fatawa Asy-Syar`iyyah 79/83/4 [116]]

Memasukkan Jari Ke Dalam Faraj Atau Dubur Ketika Siang Ramadhan

S: Adakah memasukkan jari ke dalam bukaan dubur atau faraj wanita ketika istinja' dan ketika siang Ramadhan membatalkan puasa dan apakah hukumnya? Dan Allah membalas kamu dengan kebaikan.

J: Tidak membatalkan puasa dengan kemasukan jari ke dalam bukaan dubur atau faraj ketika berpuasa pada siang Ramadhan, sama ada basah atau tidak basah, dan hal itu ialah apa yang dipilih oleh Syaykhu I-Islam Ibnu Taymiyyah. WaLlahu a`lam.

[Al-Fatawa Asy-Syar`iyyah 85/10/2 [713]]

Yang Paling Baik Untuk Orang Yang Musafir, Puasa Atau Berbuka?

S: Yang mana antara keduanya adalah lebih baik, berpuasa dalam perjalanan atau berbuka ketika bulan Ramadhan, dan khususnya jika urusan itu bersangkutan dengan krew kapal terbang?

J: Yang paling baik untuk orang yang musafir ketika Ramadhan adalah untuk dia melakukan apa yang lebih mudah ke atasnya, daripada berpuasa ketika Ramadhan atau berbuka padanya dengan qadha'. Dan jika kerana berbuka juruterbang itu, ada padanya tambahan keselamatan dan menjauhkan daripada bahaya baginya dan bagi kapal terbang dan penumpang, maka berbuka adalah lebih baik. Dan jika pada puasanya terdapat bahaya walau pun dengan kadar yang sedikit, wajib ke atasnya berbuka. WaLlahu a`lam.

[Al-Fatawa Asy-Syar`iyyah 89/23/3 [1731]]

Meninggalkan Puasa Tetapi Bersalat

S: Adakah menjadi kafir orang yang meninggalkan puasa, selama mana dia bersalat, dan dia tidak berpuasa tanpa sakit dan tanpa apa-apa?

J: Sesiapa yang meninggalkan puasa kerana menolak kewajibannya, maka dia adalah kafir secara ijma'. Dan sesiapa yang meninggalkannya kerana malas atau culas, maka dia tidak menjadi kafir, tetapi dia di atas bahaya yang besar dengan meninggalkannya, satu rukun daripada rukun-rukun Islam yang dipersetujui terhadap kewajibannya. Dan dia perlu kepada hukuman dan didikan daripada pemerintah, terhadap apa yang dia enggan daripadanya dan sebagainya. Bahkan sebahagian `ulama' berpendapat untuk mengkafirkannya. Dan ke atasnya qadha' apa-apa yang ditinggalkannya bersama taubat kepada Allah subhanahu. Dan bersama Allah petunjuk, dan Allah bersalawat dan bersalam ke atas Nabi kita Muhammad dan keluarganya, dan sahabatnya.

[Al-Lujnah Ad-Da'imah lil-Ifta']

Rujukan:

1. Al-Muntaqa Min Fatawa Asy-Syaykh Salih Al-Fawzan. Maktabah Misykatu I-Islamiyyah.
2. Kuwait, Wizaratu I-Awqaf Wasy-Syu'uni I-Islamiyyah (1996/1417H). Majmu'atu I-Fatawa sy-Syar`iyyah As-Sadirate `An Qita'i I-Ifta'i Wal-Buhusi sy-Syar`iyyah.

Berbuka Bagi Orang Yang Hamil Dan Yang Menyusukan

S: Bilakah dibolehkan berbuka ketika Ramadhan bagi orang yang hamil dan yang menyusukan? Dan apakah dia perkara-perkara yang membatalkan puasa secara umum? Dan adakah boleh untuk seseorang perempuan mengambil pil pencegah datang bulan sehingga dia mampu berpuasa Ramadhan tanpa terputus?

J: Boleh berbuka bagi orang yang hamil dan yang menyusukan, apabila kedua-duanya takut terhadap anak mereka berdua daripada mudharat puasa, kerana mungkin puasa itu melemahkan nutrisi yang dimakan oleh anak di dalam perut ibunya. Maka apabila hal itu adalah seperti itu, maka baginya untuk dia berbuka dan mengqadha' pada hari yang lain dan memberi makanan bersama qadha'. Dan jika dia takut terhadap dirinya daripada puasa, kerana dia tidak mampu berpuasa semasa dia hamil, atau dia tidak mampu berpuasa semasa dia menyusukan, maka yang ini, dia berbuka dan mengqadha' pada hari yang lain, dan tiada ke atasnya memberi makan. Hal ini adalah apa yang bersangkutan dengan orang yang hamil dan yang menyusukan. Dan boleh bagi perempuan mengambil pil yang mencegah haidh daripadanya, dengan tujuan agar dia berpuasa, jika pil ini tidak memudharatkan kesihatannya.

[Al-Muntaqa Min Fatawa Asy-Syaykh Salih Al-Fawzan, Jld. 3 (39)]

Tidak Tahu Masuk Bulan Ramadhan Kecuali Setelah Terbit Fajar

S: Apa hukum orang yang tidak tahu masuknya bulan Ramadhan kecuali setelah terbit fajar?

J: Barangsiapa tidak mengetahui masuknya bulan Ramadhan kecuali setelah terbit fajar, maka sesungguhnya wajib ke atasnya menahan diri sepanjang harinya, dan mengqadha' hari itu, kerana sesungguhnya dia tidak berpuasa dengan lengkap, disebabkan dia tidak berniat berpuasa sebelum terbit fajar. Dan telah berkata Rasulullah: «Tiada puasa bagi sesiapa yang tidak menetapkannya ketika malam» [Ibnu Majah/ 1700, sahih].

[Al-Muntaqa Min Fatawa Asy-Syaykh Salih Al-Fawzan, Jld. 3 (189)]

Imsak Sebelum Terbit Fajar

S: Apakah pendapat kamu tentang apa yang dinamakan dengan waktu Imsak yang dieetak di kebanyakan kalendar dan biasanya ia adalah sebelum azan Subuh dengan satu perempat atau satu pertiga jam, maka adakah diharamkan ke atas Muslim untuk makan pada waktu ini?

J: Sesungguhnya Imsak sebelum azan Subuh yang menjadi kebiasaan ramai daripada manusia, di mana mereka melarang daripada makan dan minum apabila sampai waktu Imsak itu, dan menganggap bahawa waktu berpuasa sudah bermula, sesungguhnya Imsak ini adalah bid'ah yang tidak Allah turunkan dengannya hujah, dan tiada dalil terhadap pembenarannya daripada Al-Kitab atau As-Sunnah, dan padanya terdapat sejenis pelampauan dan ketegasan yang dilarang daripadanya oleh syara' apabila orang Muslim berterusan dengannya. Dan yang asal adalah waktu puasa itu bermula dengan terbit fajar sadiq, dan ia adalah waktu azan Subuh. Berkata Allah ta'ala: «Dan makanlah kamu dan minumlah kamu sehingga jelas bagi kamu benang putih daripada benang hitam daripada fajar» [Al-Baqarah: 187]. Dan berdasarkan kepada hal itu, adalah boleh bagi seseorang Muslim untuk berterusan makan dan minum sehingga diazankan untuk salat Subuh, dan tidak diharamkan ke atasnya makan atau minum melainkan apabila masuk waktu salat Subuh. Dan Imsak yang direka-reka ini bercanggah dengan apa yang datang daripada sunnah Nabi berkenaan menta'khirkkan sahur. Maka sesungguhnya telah datang dalam hal itu banyak hadis, antaranya:

1. Apa yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhariy, dia berkata: «Bab Mencepatkan Sahur» kemudian dia melaporkan dengan sanadnya daripada Sahl bin Sa'd, dia berkata, "Saya telah bersahur dengan keluarga saya, kemudian saya tergesa-gesa untuk mendapatkan salat Subuh bersama Rasulullah" [Al-Bukhariy/ 577], dan berkata Al-Hafiz Ibnu Hajar, katanya: «Bab Mencepatkan Sahur» iaitu bersegera makan adalah tanda bahawa sahur itu adalah ketika dekat dengan terbit fajar.

2. Rasulullah berkata: «Sesungguhnya kami sekalian para Nabi, kami diperintahkan untuk menyegerakan berbuka kami, mengakhirkkan sahur kami, dan meletakkan tangan kanan kami di atas tangan kiri kami di dalam salat» [At-Tayalisiy/ 2776, sahih].

[Hisamu d-Din bin Musa `Affanah, Prof. Dr. (2004/ 1425H). *Yas'alunak*. Baytu l-Maqdis]

Menjual Makanan Kepada Orang Yang Tidak Berpuasa Pada Siang Ramadhan

S: Adakah boleh menjual makanan, bagi orang yang makan pada siang hari ketika Ramadhan, untuk orang Muslim dan bukan Muslim?

J: Tidak boleh menjual makanan untuk orang yang diketahui bahawa dia akan memakannya pada siang hari Ramadhan daripada orang Muslim, melainkan ada padanya keuzuran yang diizinkan baginya berbuka seperti dia bermusafir atau sakit. Adapun menjualnya kepada yang bukan Muslim adalah dibolehkan. WaLlahu a'lam.

[Al-Fatawa Asy-Syar`iyyah 88/51/2 [1433]]

Syak Terbit Fajar

S: Apakah hukum apabila syak manusia yang ingin berpuasa pada terbit fajar? Adakah baginya untuk dia makan dan minum sehingga dia yakin terbit fajar, atau dia beramal dengan syak dan dia tidak makan dan tidak minum?

J: Ke atas manusia untuk berhati-hati pada perkara seperti ini. Maka apabila dia syak pada terbit fajar, maka ke atasnya untuk dia memastikan dan melihat pada tanda-tanda. Maka apabila dia melihat bahawa tanda-tanda itu menunjukkan terbit fajar, maka dia tidak makan, seperti mendengar mu'azzin atau melihat taqvim dan waktu, dan dia mengetahui masa fajar telah sampai pada taqvim, maka dia tidak makan.

Dan yang wajib ke atasnya pada perkara seperti ini ialah memastikan, kerana sesungguhnya dia di atas permulaan puasa, dan dia risau telah terbit fajar. Maka apabila dia cenderung sangkaannya bahawa fajar belum muncul, maka dia makan dan minum. Dan apabila cenderung sangkaannya bahawa fajar telah muncul, maka dia mengelak. Maka kecenderungan sangkaan itu terletak pada tahap yakin. Dan apabila dia syak, maka yang paling baik adalah untuk dia tidak makan, kerana Nabi berkata: «Tinggalkan apa yang meragukan kamu kepada apa yang tidak meragukan kamu» [At-Tarmizi/ 2518, sahih], dan katanya: «Maka barangsiapa mengelakkan perkara-perkara syubahat, dia telah terbebas untuk agamanya dan kemuliaannya» [Al-Bukhariy/ 52].

[Al-Muntaqa Min Fatawa Asy-Syaykh Salih Al-Fawzan, Jld. 3 (191)]

Doa Apabila Berbuka Kepada Tuan Rumah

Rasulu Llah berkata:

أَفْطَرَ عِنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ، وَأَكَلَ طَعَامَكُمْ
الْأَبْرَارُ، وَصَلَّتْ عَلَيْكُمْ الْمَلَائِكَةُ

Aftara `indakumu s-sa'imun, wa'akala ta`amakumu l-abrar, wasallat `alaykumu l-mala'ikah

«Telah berbuka di sisi kamu orang yang berpuasa, dan telah makan makanan kamu orang yang baik, dan telah bersalawat ke atas kamu para mala'ikat» [Abi Dawud/ 3854, sahih]